

ROMULO

1979

KUALA LUMPUR, 29 MEI (BERNAMA) — Pengerusi Persidangan UNCTAD V di Manila baru-baru ini, Carlos Romulo mensifatkan ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir +indah+ dan +bersemangat.+

Beliau memberi perhatian khas kepada ucapan Timbalan Perdana Menteri itu apabila beliau menyebut tujuh orang penceramah dalam satu temuramah televisyen.

Encik Romulo, setiausaha luar Filipina menumpukan separuh masa dalam rancangan itu untuk membincangkan ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir dan cadangan-cadangan yang dikemukakannya, demikian menurut satu laporan dari Manila.

Dalam temuramah TV itu Encik Romulo telah menyemak semula kerta dan kemajuan yang telah dicapai oleh UNCTAD V dan telah diulang siarannya di beberapa rangkaian, tambah laporan itu.

+saya percaya salah satu ucapan yang layak diberi perhatian dalam perbincangan itu ialah ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir,+ Encik Romulo disebut sebagai berkata.

Datuk Seri Dr. Mahathir telah mengecam amalan perdagangan terhadap yang menyebabkan negara-negara yang mempunyai sumber-sumber sederhana dan kaya menjadi miskin. — BERSAMBUNG 1705/SZ

ROMULO 2 KUALA LUMPUR

Beliau juga menyebut kesatuan-kesatuan sekerja di negara-negara maju yang memaksa kerajaan masing-masing supaya menyekat import dari negara-negara miskin dan mempengaruhi para pekerja di negara-negara tersebut supaya mengurangkan pengeluaran.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata sudah sampai masanya UNCTAD mengkaji peranan yang dimainkan oleh persekutuan buruh antarabangsa yang menghalang persamaan perdagangan dan pembangunan.

Beliau juga menjelaskan bahawa sekatan telah merebak kepada perkhidmatan udara dan laut yang menjejaskan negara-negara membangun.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru negara-negara membangun supaya bekerjasama untuk bertindak seperti yang dilakukan oleh negara-negara OPEC kerana negara-negara membangun mempunyai kedudukan ekonomi teguh yang boleh digunakan demi kebaikan bersama.

— BERNAMA 1707/SZ